

Perarakan raksasa Ekaristi di kota New York

NEW YORK: “Kota ini kepunyaan Yesus Kristus” merupakan tema perarakan Ekaristi raksasa yang pernah diadakan di Kota New York. Lebih empat ribu umat beriman turun ke jalan-jalan sambil berdoa dan menyanyikan lagu-lagu pujian pada hari vigil Pentakosta, Mei 27.

Perarakan besar-besaran itu diketuai oleh Uskup Auksilier Joseph Espallat dari Keuskupan Agung New York. Turut menyertai perarakan itu ialah para klerus, biarawati, dan umat beriman untuk berdoa bagi pengampunan dosa seluruh dunia dan kota New York.

Perarakan yang melalui pelbagai jalan dan Dataran Times Square itu dianjurkan oleh Pusat Karismatik Katolik Hispanik. Para peserta memulakan perarakan mereka dari Dataran Fr Duffy di Times Square dan berakhir di Katedral St Patrick, di mana umat merayakan perayaan Ekaristi bersama para paderi.

Wartawan media, Jeffrey Bruno, yang kebetulan berada di kota itu untuk tugas lain, bertembung dengan perarakan itu dan berasa kagum. “Saya tidak pernah melihat apa-apa seperti itu sebelum ini, terutama di New York.”

Pemandangan yang menyentuh hati Bru-

no ialah jalan sesak yang dipenuhi bangunan pencakar langit, dibanjiri dengan umat beriman, berlutut dengan hormat di hadapan Sakramen Mahakudus yang diangkat tinggi.

Fr Shane Johnson, pentadbir St. Anthony dari Gereja Katolik Padua dan pengarah Pusat Karismatik Katolik Hispanik, memberitahu *CNA*: “Bagi saya, bilangan orang bukan perkara penting.

“Perkara utama ialah iman sejati yang begitu jelas di kalangan peserta. Ia menjutkan!”

“Detik-detik melutut di atas jalan, di tengah-tengah jalan di kota terkenal ini, dengan tangan kami dinaikkan kepada Tuhan mengingatkan kita tentang siapa kita sebagai anak-anak-Nya dan menyedari, kota ini adalah milik Tuhan sepenuhnya,” kata Fr Shane.

Fr Shane menjelaskan bahawa walaupun ramai yang melihat Kota New York tidak menyokong terhadap acara-acara Katolik tetapi majoriti penduduknya menghormati.

“Selalunya apabila golongan kecil sangat kuat menentang, kita berfikir bahawa iman adalah mati. Tetapi pada hari ini, saya yakin Tuhan menang di hati anak-anak-Nya, malah Dia selalu menang tanpa kita sedari.

“Walaupun mereka tidak memahami iman kita sepenuhnya, tetapi kebanyakan mereka suka melihat ekspresi iman, bahkan di kota yang sering dianggap mempunyai ramai penduduk pelik dan berdosa!” — *CNA*



Ribuan umat berhimpun di Times Square untuk perarakan Ekaristi. Gambar: Jeffrey Bruno/CNA



Sri Paus mempersembahkan intensi bulan Jun untuk mengakhiri hukuman penyesaan.

Sri Paus seru akhiri penggunaan penyesaan

TAKHTA SUCI: Sri Paus Fransiskus mende-sak masyarakat antarabangsa untuk bekerja secara nyata menolak hukuman seksaan dan lebih menyokong para mangsa serta keluarga mereka.

“Mari kita hentikan kengerian penyesaan ini. Penting untuk menempatkan martabat manusia di atas segalanya,” kata Bapa Suci dalam pesan video yang diterbitkan pada Mei 30 oleh Jaringan Doa Sedunia Paus.

Jaringan doa tersebut menyiarkan video pendek Sri Paus yang mempersembahkan intensi doa khusus setiap bulan.

Untuk bulan Jun, Sri Paus mempersembahkan intensi doanya untuk penghapusan penyesaan.

Hari Antarabangsa untuk Menyokong

Mangsa Penyesaan jatuh pada Jun 26.

Konvensi Menentang Penyesaan dan Perlakuan atau Penghukuman Lain yang Kejam, Tidak Manusiawi atau Merendahkan Martabat, ditubuhkan pada tahun 1987.

Meskipun hukuman seksaan dilarang oleh undang-undang antarabangsa dan sebahagian negara, penyesaan itu masih dipraktikkan di seluruh dunia.

Alice Edwards, pelapor khusus PBB tentang penyesaan dan perlakuan atau hukuman lain yang kejam, tidak manusiawi, atau merendahkan martabat, mengatakan, “Tugas negara-negara adalah untuk menyelidiki penyesaan, namun secara universal, ia kurang dilaksanakan.”

Setiap negara memiliki kewajiban untuk

menyelidiki tuduhan penyesaan, mendakwa atau mengekstradisi suspek, dan menghukum pesalah dengan hukuman yang mencerminkan keberatan kesalahan itu, katanya kepada Majlis Hak Asasi Manusia PBB pada Mac 2023.

Dalam pesan videonya, Sri Paus Fransiskus bertanya, “Sebesar mana keupayaan manusia untuk melakukan kejahatan? Hukuman penyesaan bukan sesuatu yang baru. Mari kita fikirkan bagaimana Yesus sendiri disiksa dan disalibkan.

“Mari kita berdoa agar masyarakat antarabangsa berkomitmen secara konkrit untuk menghapuskan penyesaan, lebih menyokong mangsa dan keluarga mereka,” tambahnya. — *CNA*

Mengembalikan rasa kehairanan

Dalam puisi bertajuk, *Is / Not*, Margaret Atwood menyatakan bahawa apabila cinta menjadi pudar, di sinilah kita melihat peri-badi kita sebenarnya:

*Kita terdampar di sini
di bahagian sempadan ini
di negara ini dengan jalan-
jalannya yang kecil dan bangunan
lama
di mana tiada apa-apa yang
menakjubkan untuk dilihat
dan cuaca adalah biasa
di mana cinta yang suci tetapi
mudah diperolehi
Lebih mudah daripada
cenderahati*

Ya, cinta di antara pasangan boleh pudar, begitu juga sesuatu yang istimewa dalam budaya kita boleh beransur menjadi sesuatu yang membosankan.

Dan inilah juga yang berlaku dalam budaya Kristian kita, atau mungkin sebahagian besarnya. Rasa kagum yang pernah menguasai hidup kita, menjadi sesuatu yang tidak lagi luar biasa malah menjadi sesuatu yang biasa-biasa sahaja.

Kita tidak lagi berdiri dengan gembira di hadapan kehidupan yang segar.

Kita telah melihat keasyikan dan kegembiraan yang ditawarkan oleh kehidupan tetapi pada suatu tahap, kita tidak lagi ghairah menikmatinya: Kita berasa bosan, mula mengeluh, "itu sahajakah yang ada", "ia tidaklah sehebat mana!"

Apa yang biasanya kita lakukan? Biasanya kita cuba menghilangkan rasa bosan itu tetapi jika matlamat itu tidak tepat, jika kita terus berusaha tetapi bersandar pada dinding yang salah, ia tidak akan mengem-

balikan pulangan yang baik.

Orang mengatakan bahawa perkara-perkara lama atau jiwa yang lama adalah membosankan tetapi jiwa lama sebenarnya berhati muda. Sebaliknya kita, jiwa kita tidak lagi muda. Rasa kagum, rasa gembira, rasa hairan ... perlahan-lahan meninggalkan jiwa kita.

Apakah puncanya? Apa yang telah menghalang kita untuk terus kagum dan tertunggu-tunggu dengan harapan?


Apabila kita merasa sudah biasa atau selesa, akan muncul cabang-cabang dari rasa tersebut: kecanggihan, kebanggaan intelektual, kekecewaan, kebosanan, dan penghinaan.

Rasa normal akan membiakkan penghinaan, membenci sesuatu yang pernah kita rasa kagum dan dari penghinaan ini, ia menjadi antitesis terhadap dua perkara timbal balik yang diperlukan untuk menghadapi dunia dengan rasa kagum, hormat dan tabah.

G.K. Chesterton pernah menyatakan normaliti atau tipikal adalah ilusi paling bahaya. Elizabeth Barrett Browning memberikan ungkapan puitis tentang perkara ini: *Bumi penuh dengan syurga. Dan setiap belukar biasa terbakar dengan Tuhan.*

Tetapi bagi yang melihat, akan menanggalkan kasutnya. Yang lain, duduk dalam bulatan, memetik beri dan wajah mereka selesa, tidak ada kebimbangan, biasa sahaja.

Ini adalah gambaran ilusi bagi mereka yang memikirkan hidup mereka adalah normal, memetik buah beri sambil mengusap wajah kita menandakan mereka tidak me-



nyadari kehadiran yang Kudus.

Perkara yang biasa dibuat, membuatkan kita berfikir, semua yang berlaku adalah normal, tidak ada apa yang istimewa.

Apa jawapannya? Bagaimana kita memulihkan rasa kagum kita? Bagaimana kita dapat bermula untuk melihat api ilahi dalam kehidupan biasa?

Chesterton cadangkan bahawa rahsia untuk mengembalikan rasa kagum dan melihat api ilahi pada orang biasa adalah dengan belajar melihat perkara-perkara yang normal menjadi luar biasa.

Itulah yang diminta oleh Tuhan kepada Musa dalam Kitab Suci, apabila Musa melihat semak yang terbakar di padang pasir dan mendekati apinya kerana ingin tahu, Tuhan berkata kepadanya, tanggalkan kasutmu kerana tanah di mana anda berdiri adalah tanah suci.

Kata-kata itu, hanya sebaris tetapi ia adalah jemputan penting, rahsia yang mendalam untuk memulihkan semua rasa kagum dalam

diri kita, setiap kali kita mendapati diri kita, seperti yang dijelaskan oleh Atwood: *terperangkap di sisi sempadan, terperangkap di jalan-jalan kecil dan bangunan lama yang tidak ada apa-apa yang menakjubkan untuk dilihat, merasai cuaca biasa-biasa sahaja dan mudah mendapat cinta yang boleh diperolehi di mana-mana sahaja.*

Salah seorang profesor saya di universiti, selalu memberikan kami nasihat kecil ini: Jika anda bertanya kepada kanak-kanak yang polos, "Adakah anda percaya kepada Santa dan Easter Bunny?" mereka akan mengatakan "ya".

Jika anda bertanya kepada kanak-kanak cerdas akan soalan yang sama, dia akan mengatakan tidak. Tetapi jika anda bertanya kepada kanak-kanak yang lebih pintar, dia akan tersenyum dan berkata ya.

Rasa kagum, kaget atau kehairanan kita pada mulanya berasal dari kepolosan kanak-kanak, yang belum biasa dengan dunia. Mata kita masih mengagumi perkara-perkara baru. Sudah tentu, ini akan berubah apabila kita belajar dan meningkat dewasa.

Setelah kita belajar tentang kebenaran Santa dan Easter Bunny, perlahan-lahan apa yang dikagumi dan luar biasa itu menjadi ejekan, bahan ketawa dan dikaitkan dengan perkara negatif.

Ini adalah fasa 'memecahkan ilusi' namun ia adalah fasa peralihan normal dalam kehidupan, kerana kita tidak dimaksudkan untuk terus percaya akan perkara dongeng di mana kita tinggal.

Untuk menjadi dewasa, ia perlu mendapatkan semula rasa tertanya-

tanya kita dan bermula semula, tetapi atas sebab-sebab yang sangat berbeza bukannya untuk mempercayai realiti Santa dan Easter Bunny. Kita perlu membawa keajaiban kembali dalam kehidupan kita.

Saya pernah mendengar seorang lelaki bijak berkongsi kisah ini: Bayangkan seorang kanak-kanak berusia dua tahun yang bertanya kepada anda, "ke mana matahari pergi pada waktu malam?" Bagi kanak-kanak yang masih muda, jangan ambil atlas atau globe lalu menjelaskan bagaimana sistem suria berfungsi.

Hanya beritahu kanak-kanak itu matahari letih dan sedang tidur di belakang gunung.

Walau bagaimanapun, apabila kanak-kanak berumur enam atau tujuh tahun, jangan cuba perkara yang sama. Sudah tiba masanya untuk mengeluarkan buku dan menerangkan sistem suria.

Selepas itu, apabila kanak-kanak itu berada di sekolah menengah atau kolej, sudah tiba masanya untuk mengeluarkan Steven Hawking, Brian Swimme, dan ahli astrofizik, dan bercakap tentang asal-usul dan penciptaan alam semesta.

Akhirnya, apabila orang itu berusia lapan puluh tahun, mungkin ia tidak keterlaluan untuk mengatakan sekali lagi, "matahari letih dan tidur di belakang gunung!"

Kita membesar dengan sudah terlalu biasa melihat matahari terbenam!

Rasa kagum dan tertanya-tanya boleh membuat perkara biasa menjadi luar biasa. — **Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser**

Yesus, Roti dari Syurga

Dalam pembacaan pertama, diceriterakan bahawa Musa meminta umat Israel selalu ingat akan Tuhan, yang selama 40 tahun selalu membimbing, mendampingi dan memberikan "manna", roti kehidupan dalam perjalanan hidup mereka.

Dalam Injil Yohanes hari ini (Yoh 6:51-58) Yesus sampai lima kali berkata kepada murid-murid-Nya, bahawa mereka harus makan daging-Nya. Yesus mahu menegaskan, bahawa dalam diri-Nya Tuhan memasuki diri dan hidup kita. Dia menjadi tubuh dan darah, menjadi manusia seperti kita. Murid-murid-Nya bukan hanya mengalami kesulitan memahami kata-Nya, bahawa mereka harus makan tubuh dan darah-Nya, tetapi juga sukar untuk percaya bahawa dalam diri Yesus Tuhan sungguh memasuki dunia mereka ini.

Dalam pembacaan kedua, Paulus berbicara kepada umat di Korintus yang mengalami perpecahan antara mereka (1 Kor 10:16-17). Keadaan yang Paulus gambarkan sebagai penyakit dalam satu tubuh. Mereka tidak hidup rukun seperti anggota-anggota tubuh yang satu. Padahal hanya ada satu Tubuh (mistik) iaitu Kris-

tus, dan mereka adalah anggota-anggota-Nya. Walaupun mereka itu bersama-sama adalah anggota, namun mereka yang kaya tidak memikirkan dan menolong sesama yang miskin, dan yang mereka yang sakit tidak diubati dan disembuhkan.

Dengan demikian sambil mengadakan perjamuan makan bersama dalam perayaan Ekaristi, mereka sebenarnya menipu diri mereka sendiri. Sebab Ekaristi sebagai Tubuh dan Darah Kristus yang satu dimakan dan diminum bersama-sama, tetapi diterima oleh orang-orang yang tidak saling mengasihi, meskipun merupakan anggota persekutuan Kristus yang satu dan sama.

Menghadapi kenyataan ini, kata-kata Paulus sangat tajam: "Apabila kamu berkumpul, kamu bukanlah untuk makan perjamuan Tuhan" (1 Kor 11:20). Apakah kamu tidak mempunyai rumah sendiri untuk makan dan minum? Atau mahukah kamu menghina Jemaat Tuhan dan memalukan orang-orang yang tidak mempunyai apa-apa? Apakah yang ku katakan kepada kamu? Memuji kamu? Dalam hal ini aku tidak memuji" (11:22).

Ekaristi, iaitu Tubuh dan Darah Kristus dinodai oleh orang-orang yang saling bermusuhan, tidak adil dan mementingkan diri sendiri (egoistis). Paulus menegaskan hal ini: "Kerana roti itu hanya satu, maka kita ini sekalipun banyak merupakan satu tubuh, kerana kita semua mendapat bahagian dalam roti yang satu" (1 Kor 10:17).

Injil menurut Markus, Matius dan Lukas memperkenalkan Ekaristi dalam ceritera tentang Perjamuan Malam yang diselenggarakan oleh Yesus sebelum penderitaan dan kematian-Nya di salib. Yohanes tidak langsung berbicara tentang Perjamuan Malam.

Namun dalam Injil Yohanes 6, pengarang memberi keterangan panjang lebar tentang erti roti, yang dimaksudkan oleh Yesus (Yoh 6:25-59). Beberapa kali Yesus memperbanyak dan membahagi-bahagi roti. Tetapi pengertian mereka terbatas, dan roti-roti itu hanya mereka lihat dan anggap untuk menghilangkan kelaparan saja.

Memang benar bahawa roti itu memang untuk keperluan fizikal, namun kedatangan Yesus bukan untuk menghilangkan kelaparan fizikal saja, melainkan kelaparan abadi, baik jasmani mahupun

**HARI RAYA BESAR
TUBUH DAN DARAH YESUS
ULANGAN 8:2-3, 14-16;
1 KORINTUS 10:16-17;
YOHANES 6:51-58**

rohani.

Roti yang dibawa Yesus iaitu roti yang adalah Yesus sendiri, ertinya roti dari syurga, yang akan menghilangkan kelaparan seluruhnya. Roti yang diberikan oleh Yesus tidak sama dengan roti yang diberikan Musa kepada bangsa Israel dalam perjalanan hidup mereka di padang gurun. Roti atau "manna" itu hanya sementara. Tetapi roti yang diberikan Yesus adalah diri-Nya: "Akulah roti yang turun dari syurga".

Kita hanya dapat memahami katakata Yesus itu, apabila kita sungguh mahu mendengarkan dan menerimanya sebagai Sabda Tuhan, yang terutama didengarkan dalam perayaan liturgi seperti dalam misa kudus atau perayaan Ekaristi. Itulah sebabnya mengapa perayaan Ekaristi didahului dengan perayaan Sabda Tuhan. Ada

dua komuni: komuni Sabda dan komuni Roti.

Kedua-dua komuni itu tidak terpisahkan. Tidak ada gunanya hanya mahu menerima salah satu saja.

Untuk menerima Ekaristi, iaitu Tubuh dan Darah Kristus, kita memerlukan persiapan diri. Dan itulah yang kita peroleh dari Ibadat Sabda, sebagai komuni Sabda. Kita harus siap untuk memiliki hati penuh kasih, bukan hati penuh dendam, iri hati, kemarahan, kemunafikan diri!

Menerima Ekaristi adalah menerima Kristus, Tubuh dan Darah-Nya, yang membahagikan diri-Nya. Maka kita yang menerima-Nya harus bersedia pula membahagikan diri kepada sesama. Atau dengan bahasa Yesus: kita harus bersedia pula menjadi roti dan minuman untuk orang lain. — **santapan rohani**

Perkahwinan, penceraian, pembatalan perkahwinan dalam Gereja Katolik

KUALA LUMPUR: Archdiocesan Bahasa Malaysia Apostolate (ABMA) telah menganjurkan Formasi Keluarga untuk seluruh umat berbahasa Malaysia.


Formasi ini bukan sahaja terbuka kepada paroki-paroki di bawah Keuskupan Agung Kuala Lumpur, bahkan untuk semua umat Katolik di seluruh Malaysia.

Perkahwinan adalah perkongsian cinta dan hidup yang intim, yang diciptakan oleh Tuhan.

Rancangan Tuhan, sejak awal penciptaan, adalah supaya lelaki dan wanita menjadi 'satu daging' sebagai tanda persatuan antara orang-orang (Kej. 2:24).

Dalam Katolik, perkahwinan adalah sakramen – suatu tanda berkat Tuhan yang nyata, yang boleh dilihat.

Sakramen perkahwinan menguduskan cinta, seksualiti, dan kelahiran manusia untuk matlamat yang



Kira-kira 800 peserta dalam talian mengikuti Formasi Keluarga baru-baru ini.

lebih tinggi.

Namun, terdapat banyak godaan dan percubaan sehingga menyebabkan perkahwinan tergelincir dari landasan asal, menyebabkan keluarga berantakan dan berakhir dengan hidup berasingan, perceraian dan pembatalan perkahwinan.

Fokus utama formasi ini adalah untuk menerangkan tentang

perkahwinan, penceraian dan pembatalan perkahwinan mengikut hukum Gereja Katolik.

Fr Jeffri Gumu dari Keuskupan Agung Kota Kinabalu telah dijemput sebagai penceramah dalam sesi formasi yang telah dihadiri kira-kira seramai 800 peserta.

Fr Jeffri memulakan sesi formasi dengan memberi penerangan tentang struktur, fungsi, peranan serta

proses yang berlaku dalam Tribunal Perkahwinan Gereja Katolik.

Sesi ini telah membuka minda semua peserta selain menjadi ilmu tambahan pengetahuan untuk peserta mengetahui dengan lebih jelas bagaimana majlis tribunal dalam gereja Katolik berfungsi.

Selain itu, Fr Jeffri turut menerangkan bagaimana Gereja memandang perkahwinan sebagai

suatu perjanjian yang suci dan tidak boleh dipisahkan.

Disebabkan itu, tiada istilah perceraian dalam Gereja Katolik. Perkahwinan yang telah diberkati dalam Gereja Katolik hanya boleh dibatalkan sekiranya mempunyai alasan yang sangat kukuh dan disokong dengan bukti konkrit.

Setiap permohonan untuk membatalkan perkahwinan perlu melalui majlis Tribunal Perkahwinan Gereja Katolik.

Kemuncak formasi ini adalah sesi soal-jawab yang telah berlangsung selama dua jam, di mana contoh-contoh kes dan permasalahan yang dihadapi oleh suami-isteri dibentangkan untuk perbincangan dan penjelasan daripada Fr Jeffri.

Formasi itu berakhir pada jam 11.00 malam dengan doa penutup dan pemberkatan oleh Fr Jeffri. —

Elena Woo

Sakramen Krisma menambah kurnia Roh Kudus dalam diri kita

SENAGANG, Keningau: Seluruh umat di Zon Senagang menyaksikan penerimaan Sakramen Krisma kepada 41 belia pada Misa Hari Minggu Pentakosta yang lalu.

Misa bermula pada jam 10.00 pagi dan dirayakan oleh Fr Joseph Gapitang di Gereja St Yohanes Penginjil Senagang.

Fr Joseph juga merupakan penasihat rohani bagi Zon Senagang.

Dalam homilinya, Fr Joseph menerangkan tentang Sakramen Krisma secara mendalam.



Para krismawan diseru agar melibatkan diri dalam pelayanan Gereja agar Roh Kudus yang dikurniakan kepada mereka tidak tertidur!

Katanya, Sakramen Krisma merupakan tanda kedewasaan iman seseorang. Penerimaan sakramen Krisma melengkapi rahmat pembaptisan, dan menyempurnakan inisiasi.

Melalui Sakramen Krisma, seseorang diikat secara lebih kuat dan sempurna dengan Gereja serta diperkaya dengan daya kekuatan Roh Kudus.

Sebelum mengakhiri homilinya, Fr Joseph menyeru kepada semua krismawan agar aktif melibatkan diri dalam pelayanan Gereja.

Fr Joseph juga berterima kasih kepada para pembimbing dan ibu bapa di atas sokongan serta komitmen iman mereka. —

Oliver Nick Ubung

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja?

Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Doa kanak-kanak semasa hosti dan piala diangkat

Soalan: Father, anak saya akan menerima Komuni Pertama, lalu dia bertanya, doa apa yang seharusnya diucapkan ketika hosti dan piala diangkat paderi? Bagaimana saya harus menjelaskan? — Ibu Ingin tahu

Jawaban: Puan, terima kasih kerana menghantar anak puan ke Sekolah Minggu dan membantu mempersiapkan anak Puan bagi menerima Tubuh dan Darah Yesus.

Inilah salah satu tugas ibu bapa sebagai katekis pertama, untuk membawa hati anak dekat pada Yesus.

Pertanyaan polos mereka seringkali mengundang orang dewasa untuk berefleksi tentang iman. Benarlah kata Mazmur 8: dari mulut kanak-kanak dan bayi terungkap kekuatan untuk membungkam musuh dan lawan-Mu.

Menjawab pertanyaan itu, baiklah kita ingat keutuhan seluruh Doa Syukur Agung. Doa ini dimulai dengan Dialog Prefasi saat umat diajak untuk mengarahkan hati pada Tuhan.

Ajakan ini dilanjutkan dengan syukur yang diucapkan imam atas nama seluruh umat Tuhan. Prefasi ditutup dengan seruan Kudus, umat bersama imam bergabung dengan para malaikat dan kuasa surgawi dalam doa pujian besama.

Selanjutnya kita masuk dalam doa epiklesis, mohon Roh Kudus menguduskan persembahan roti anggur sehingga menjadi Tubuh dan Darah Kristus serta menjadi korban sempurna yang menyelamatkan.

Bahagian berikutnya adalah kata-kata institusi dan konsekrasi.

Kata-kata Yesus diucapkan oleh imam dalam nama-Nya seraya mengangkat roti (Inilah TubuhKu) dan piala berisi anggur (Inilah piala darah-Ku). Dengannya korban Kristus terjadi lagi sebagaimana di salib.

Yesus menyerahkan tubuh dan darah-Nya untuk kita secara nyata dan baru.

Sesudahnya doa *anamnesis*, kita memenuhi perintah Kristus untuk mengenang misteri iman: yaitu sengsara, wafat dan kebangkitan-Nya, sambil menantikan kedatangan-Nya kembali.

Anamnesis membuat tradisi ekaristi dari Yesus yang kita terima melalui tradisi para Rasul tidak terputus.

Tiga bahagian berikutnya adalah persembahan (*oblation*), doa permohonan (*intercessio*) dan *Doxologi*.

Dengan *oblatio*, Gereja memohon agar dengan ambil bagian dalam korban Kristus, Gereja juga dijadikan persembahan sejati, menjadi Tubuh Kristus, dan disatukan dalam cinta kasih.

Dalam permohonan, Gereja mengingat para gembalanya, dan seluruh anggotanya, baik yang sudah meninggal mahupun yang masih hidup.

Gereja memohon agar semuanya dapat berbahagia dalam kehidupan abadi di syurga. Akhirnya Doa Syukur Agung ditutup dengan *Doxologi* (Dengan perantaraan Dia, bersama Dia... dan seterusnya) yang memperjelas arah doa: kepada Bapa melalui dan di dalam Kristus dalam perse-

kutuan Roh Kudus.

Sikap kita dalam Doa Syukur ini adalah kontemplatif. Kontemplasi bererti memasang telinga, mengarahkan pandangan pada Paderi yang berkata-kata dan bertindak atas nama Kristus.

Kontemplasi juga bererti mendengarkan penuh perhatian seraya menyatukan diri dengan imam dalam seluruh doa syukur keselamatan. Kita tidak berdoa lain kecuali diam tetapi aktif: kontemplatif.

Saat kata-kata institusi, sikap kita juga begitu: (Terimalah dan makanlah ... serta Terimalah dan minumlah...). Ketiadaan doa khusus umat pada saat itu adalah kerana sifat kontemplatif tadi yang membuat kita terlibat penuh pada tindakan imam.

Namun, untuk membantu, ada umat yang berdoa dalam hati, "Ya Tuhanku dan ku" (Yoh 20:28) seraya memandang Tubuh dan Darah Kristus di tangan paderi.

Meskipun tidak disebut dalam Pedoman *Missale Romanum*, ramai orang terbantu dengan kata-kata Santo Thomas ini.

Oleh itu, Puan juga boleh mengajar anak Puan untuk menatap hosti dan piala yang diangkat seraya mengucapkan doa dalam hati: "Ya Tuhanku dan ...ku" (Yoh 20:28) ini.

Semoga ungkapan iman kebangkitan itu dapat membangkitkan kerinduan, rasa sukacita dan syukur atas Yesus yang akan menjadi santapan rohaninya. Tuhan memberkati. — Fr Gregorius Hertanto, MSC, hidupkatolik.com


Sahabat kecil Yesus

"Sesiapa makan daging-Ku dan minum darah-Ku, ia tinggal di dalam Aku dan Aku di dalam dia. Sama seperti Bapa yang hidup mengutus Aku dan Aku hidup oleh Bapa, demikian juga barangsiapa yang memakan Aku, akan hidup oleh Aku." (Yohanes 6:56-57)


Adik-adik, pada hari ini kita merayakan Pesta Tubuh dan Darah Yesus. Dalam pembacaan Injil, Yesus memperkenalkan diri-Nya sebagai Roti Kehidupan. Adik-adik, kasih Yesus terhadap kita sangat besar dan agung. Dia sanggup wafat di kayu Salib demi menebus dosa-dosa kita malah sebelum Kenaikan-Nya ke Syurga, Dia juga telah berjanji seorang Penolong akan menyertai kita hingga sepanjang abad. Malah, Yesus juga telah meninggalkan kita sebuah warisan dan harta yang amat berharga. Biar pun kita tidak dapat melihat-Nya tetapi Dia tetap hadir melalui Tubuh dan Darah-Nya. Adik-adik, biasanya pada Hari Raya Tubuh dan Darah Yesus, kita akan meraikan beberapa upacara misalnya perarakan, upacara Komuni Pertama, pembaharuan komitmen para katekis dan banyak lagi. Semoga perayaan Tubuh dan Darah Yesus ini dapat menumpuhkan serta memperkasakan sikap rohani dan doa kita.

Salam Sayang
Auntie Melly


Cari LAPAN perbezaan pada gambar di bawah.



Sambungkan titik 1-35 dan jangan lupa mewarnakan gambar di bawah.



CARI PERKATAAN TERSEMBUNYI



BELIA MILENIUM

MENJADI RASUL YANG GEMBIRA MELAYANI TUHAN



KOTA PADAWAN, Kuching: Pelayan altar dari Katedral St Joseph, Kuching dan Paroki St Ann, Kota Padawan telah menganjurkan Kem Pelayan Altar (ASG-23) yang menarik penyer-taan lebih 130 peserta baru-baru ini.

Kem tersebut diadakan di Pusat St Lukas Kota Padawan, Batu 10, Kuching dengan tema, 'Serve, Not To Be Served'.

Ia bertujuan membentuk disiplin di kalangan pelayan altar agar lebih berdisiplin dan bertanggung-jawab khususnya semasa melayani atau membantu paderi di altar. Rekoleksi selama dua hari itu



turut disertai Fr Ramon Borja SDB dan Friar David Au OFM.

Misa Kudus penutupan merupakan acara kemuncak pada hari terakhir yang dirayakan oleh

Friar David.

Dalam homilinya, beliau berharap agar para pelayan altar sentiasa melayani gereja dengan hati terbuka.

Pelajar bendung gejala gangsterisme, penyalahgunaan dadah

RAWANG: Pelayanan Pembangunan Manusia (PIHDM) Gereja St Jude dan para katekis paroki menganjurkan ce-ramah mengenai "Gangsterisme dan Bahaya Penyalahgunaan Dadah."

Ceramah tersebut diadakan untuk pelajar tingkatan tiga hingga tingkatan lima pada Mei 20. Penceramah jemputan Tuan TTP Philip Pangkat, berkongsi pengalamannya tentang realiti kehidupan di sebalik jerusi besi penjara.

Beliau menekankan bahaya gangsterisme dan penyalahgunaan dadah, menjelaskan hukuman berat yang dikenakan terhadap tahanan seperti sebatan dan hukuman maut.

Beliau menggesa para pelajar supaya menjauhi tabiat merokok atau vape kerana tabiat ini sering menjadi pintu masuk kepada penyalahgunaan dadah. Di samping itu, beliau mengingatkan mereka



bahawa tubuh mereka harus bebas daripada pencemaran jahat, kerana tubuh kita adalah bait Roh Kudus.

Pelajar yang mendengar ceramah daripada Tuan Philip menyedarkan mereka

akan bahaya gangsterisme dan penting-nya menjauhi dadah.

Mereka juga sempat mengajukan soalan misalnya kehidupan banduan di Malaysia dan makna warna berbeza pada pakaian

seragam tahanan.

Penyelaras Prison Ministry Paroki mengucapkan terima kasih kepada Fr Vincent Thomas atas sokongannya dalam menganjurkan program itu.

AKTIVITI MENDAKI SEDARKAN KAUM MUDA KEINDAHAN ALAM CIPTAAN TUHAN

KUALA LUMPUR: Kerasulan Belia Gereja Sacred Heart (SHC) telah menganjurkan aktiviti, Hike & Praise pada Mei 13 lalu yang bermatlamat memupuk semangat tanggungjawab dan kasih sayang kepada alam semula jadi di kalangan kaum muda.

Seramai 25 belia berusia 16 hingga 39

tahun mengambil bahagian mendaki bukit Taman Tugu.

Mereka mendaki bukit sambil bergaul mesra antara sesama dan menghargai alam ciptaan Tuhan.

Selepas aktiviti itu, mereka kembali ke SHC untuk sesi perkongsian.



Tuhan mahu keadilan mengalir ke tempat yang memerlukan

VATIKAN: Umat beriman harus mengakhiri “perang tak masuk akal melawan ciptaan” dan membantu para mangsa ketidakadilan alam ciptaan dan iklim, kata Sri Paus Fransiskus.

“Kita harus melakukan ini dengan tekad mengubah hati kita, gaya hidup kita, dan polisi kerajaan yang mengatur masyarakat kita,” kata Sri Paus dalam pesannya untuk Hari Doa Sedunia (HDS) 2023 untuk Ciptaan.

Beberapa ketidakadilan yang memerlukan tindakan segera ialah: “polisi ekonomi yang mempromosikan kekayaan bagi segelintir orang yang memiliki hak istimewa manakala orang yang lemah semakin ditindas dan menderita, juga polisi baru diperlukan bagi menghalang eksplorasi dan perluasan infrastruktur bahan bakar fosil yang berkelanjutan, dan “industri pemangsa” yang menghabiskan dan mencemari sumber air tawar, tulis Bapa Suci dalam




Foto ini diambil pada Sept 12, 2020 oleh Media Vatikan di mana Sri Paus Fransiskus bertemu dengan komuniti “Laudato si” di Dewan Paulus VI di Vatikan.

pesan beliau yang diterbitkan oleh Vatikan pada Mei 25.

HDS untuk Ciptaan, yang akan diadakan pada September 1, menandai dimulainya Masa Ekumenis Ciptaan, dan berakhir pada Oktober 4, Pesta Santo Fransiskus dari Assisi,

santo pelindung ekologi.

Tema HDS 2023 adalah “Biarlah keadilan dan kedamaian mengalir”, berdasarkan Kitab Amos (5:24).

Ayat tersebut menjelaskan bagaimana Tuhan menginginkan keadilan “mengalir ke mana pun diperlukan,”

kata Bapa Suci.

“Tuhan ingin setiap orang berusaha menjadi adil dalam setiap situasi, hidup sesuai dengan hukumnya dan memungkinkan kehidupan berkembang,” tulisnya.

Ketika umat beriman menjaga

“hubungan dengan Tuhan, manusia dan alam, maka keadilan dan perdamaian dapat mengalir seperti aliran air murni yang tidak pernah berhenti, memelihara umat manusia dan semua makhluk.”

Sri Paus mengenang kunjungannya ke Pantai Lac St Anne di Alberta, Kanada, pada Julai 2022, dan banyak generasi komuniti orang asal menemukan penghiburan dan kekuatan di sana.

Sayangnya, detak jantung begitu banyak orang tidak berdetak selaras dengan detak jantung ciptaan dan Tuhan di mana ramai orang “dilarang mengambil air atau minum dari sungai besar itu,” tulis Sri Paus.

Bapa Suci juga berharap para pemimpin dunia yang akan berhimpun sempena COP-28 di Dubai pada Nov 30-Dis 12, agar “mesti mendengar sains dan memulakan peralihan yang cepat dan saksama untuk menamatkan era bahan api fosil.” — *media Vatikan*

Caritas gesa hentikan menyisa makanan

GENEVA: Meskipun menghasilkan makanan yang cukup untuk memberi makan semua orang, lebih dari 800 juta orang masih kelaparan setiap hari, dua pertiga di antaranya adalah wanita.

Bergabung dengan orang-orang dengan itikad baik dan organisasi di seluruh dunia, *Caritas Internationalis* menyerukan keberlanjutan dan solidariti.

Memperingati Hari Kelaparan Sedunia pada Mei 28, *Caritas In-*

ternationalis – organisasi kemanusiaan Gereja Katolik – menyeru kepada para pembuat keputusan untuk memberantas limbah makanan dan menerapkan penyelesaian berkelanjutan untuk mengakhiri kelaparan dunia.

Peringatan tahunan ini mengundang semua orang untuk bergabung dengan organisasi di seluruh dunia untuk memperkuat suara mereka yang menghadapi kelaparan dan membantu mewujudkan Kempen

PBB untuk Kelaparan Sifar (*Zero Hunger*).

Sebuah kenyataan dari *Caritas Internationalis* yang dikeluarkan menjelang Hari Dunia mengatakan bahawa mereka “bersolidariti dengan komuniti global bagi menyokong warga yang menghadapi kemiskinan dan kelaparan yang belum pernah terjadi sebelumnya.”

Caritas juga menekankan perlunya mengambil tindakan yang tidak hanya memerangi kelaparan tetapi juga melestarikan planet ini untuk generasi akan datang.

“Untuk mengakhiri kelaparan secara berkelanjutan, kita harus mempromosikan pertanian mampan dan produksi tanaman, mengurangi mengurangi sisa buangan dan menyokong sistem pertanian lokal.”

Menyentuh seruan Sri Paus Fransiskus dalam *Fratelli Tutti*, Caritas bekerjasama dengan komuniti tempatan untuk menerapkan praktik pertanian berkelanjutan, membangun kapasiti untuk beradaptasi dengan perubahan iklim, serta menyeru pemimpin dunia meninjau polisi yang berlawanan dengan kempen kelaparan sifar. — *media Vatikan*



Kempen Zero Hunger di sebuah perkampungan di Nepal.

Jenazah biarawati tidak reput cetuskan sensasi

KANSAS, Missouri: Penemuan baru-baru ini tentang jenazah seorang biarawati kulit hitam di Missouri, Amerika Syarikat, yang tidak reput, memperlihatkan kekayaan warisan umat Katolik kulit hitam di negara itu, kata para religius kepada *OSV News*.

Semasa digali pada April 28, jenazah Sr Wilhelmina Lancaster dari Kongregasi para Sister Maria Benediktin di Missouri, didapati hanya sedikit berubah sejak meninggal dunia pada Mei 2019 pada usia 95 tahun.

Kongregasinya, yang telah beru-

saha memindahkan jenazahnya ke tempat suci baru, tercengang ketika mendapati jenazah biarawati itu masih utuh — meskipun tidak diawetkan.

Jenazah yang utuh setelah sekian lama dikebumikan adalah tanda kesucian ilahi dalam tradisi Katolik dan Ortodoks, dan lebih dari 100 orang kudus yang dikanonisasi kerana jenazah mereka tidak reput.

Setelah perarakan rosari pada Mei 29, jenazah Sr Wilhelmina akan diletakan dalam kotak kaca di tempat suci, kata komuniti re-

ligius itu, seraya menambahkan devosi kepada Sr Wilhelmina telah “dilakukan rutin”, atas alasan, agar kanonisasinya “dapat diperkenalkan.”

Pada Mei 22, Keuskupan Kansas City-St. Joseph, Missouri, melalui kenyataan akhbar mereka, mengakui keadaan jenazah biarawati itu telah “mencetuskan perhatian luas.”

Setelah berita itu tersebar, ratusan penziarah berbondong-bondong ke biara untuk menyentuh dan berdoa dekat jenazah biarawati itu. — *ucanews.com*

Dalam keluarga banyak impian Tuhan telah terwujud

VATIKAN: “Dalam keluargalah banyak impian Tuhan bagi komuniti manusia terwujud,” kata Sri Paus Fransiskus yang turut menggesa universiti-universiti Katolik dan pasangan suami-isteri Katolik di seluruh dunia untuk menyokong “*Family Global Compact* (FGC).”

“Kita tidak boleh berpeluk tubuh melihat penurunan keluarga disebabkan individualisme dan konsumerisme,” tulis Bapa Suci dalam surat yang diterbitkan pada Mei 30, sempena pelancaran FGC oleh Dikasteri Awam, Keluarga dan Kehidupan Vatikan dan Akademi Ilmu Sosial Kepausan.

Tujuan FGC, sesuai misinya, adalah untuk meningkatkan dan mempertahankan pelayanan kepada keluarga “dalam aspek spiritual, pastoral, budaya, hukum, politik, ekonomi dan sosial.”

Gabriella Gambino, wakil setiausaha dikasteri itu mengatakan program-program universiti



yang sudah ada tidak hanya fokus pada mempelajari keluarga, tetapi juga beberapa program kajian wanita lebih-lebih lagi pada masa ini, wujudnya ibu bapa tunggal, kemiskinan, masalah dan cabaran dalam membesarkan anak dan banyak lagi.

Tambahnya, FGC, ingin fokus pada pentingnya hubungan keluarga, termasuk mempromosikan perhatian kepada tanggungjawab wanita berkerjaya dan hubungan dengan pasangan, anak-anak, dan masyarakat. — *media Vatikan*



Para Sister Kongregasi Benediktin Maria Ratu Para Rasul bernyanyi di samping jenazah Sr Wilhelmina Lancaster, Mei 29, di biara mereka.

PERTEMUAN KHAS UMAT BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Bapa Suci minta kanak-kanak Afrika jadi duta damai

Paus Fransiskus bertemu dengan sekitar 1.500 anak Afrika didampingi oleh orang tua mereka dan duta besar masing-masing pada kesempatan Hari Afrika tahunan dan mendorong mereka untuk terus mengejar impian mereka akan perdamaian dan masa depan yang lebih baik di negara mereka.

"Jangan pernah menyerah pada impianmu" dan "jadilah duta perdamaian, sehingga dunia dapat menemukan kembali keindahan cinta, hidup bersama, persaudaraan dan solidariti".

Sri Paus Fransiskus membuat undangan ini semasa bertemu dengan sekumpulan kanak-kanak Afrika pada Mei 29, sempena Hari Afrika.

Hari tersebut merayakan ulang tahun penubuhan Uni Afrika (OAU) pada Mei 25, 1963.

Menurut Bapa Suci, hari itu "adalah simbol perjuangan seluruh benua Afrika untuk pembebasan, pembangunan, dan kemajuan ekonomi dan sosial, serta untuk penguatan dan pendalaman warisan budaya Afrika" dan "anda adalah tanda keragaman budaya yang kaya ini".

Berani jadi berbeza

Bapa Suci mengulangi seruan yang disampaikan pada tahun 2019 kepada semua orang muda dalam Seruan Apostolik Pasca Sinode "Christus vivit" "berani menjadi 'berbeza', menjadi saksi keindahan kemurahan hati, pelayanan, kemurnian, keberanian, pengampunan, perjuangan untuk



Pesan Sri Paus Fransiskus kepada kanak-kanak Afrika: Jadilah duta perdamaian, sehingga dunia dapat menemukan kembali keindahan cinta, hidup bersama dan persaudaraan.

keadilan dan kebaikan bersama, cinta untuk orang miskin, dan persahabatan sosial".

Jangan lelah dengan "cabaran besar" di Afrika

Sri Paus Fransiskus juga menggesa kanak-kanak Afrika agar tidak putus asa dengan krisis yang dihadapi benua Afrika masa ini seperti terorisme, pemerintahan yang buruk, korupsi, pengangguran kaum muda yang sangat besar, migrasi, konflik antara komuniti dan krisis iklim.

Sangti Papa mendorong mereka agar terus mengejar impian mereka untuk masa depan yang lebih baik.

"Salah satu kekayaan Afrika adalah kecerdasan yang tajam dari kaum muda," katanya seraya mengungkapkan keinginannya agar kaum muda Afrika dapat menyumbang kepada perkembangan manusia dan integral masyarakat.

Sri Paus mengajak kanak-kanak yang hadir agar selalu berdoa dan dekat dengan rakan-rakan mereka yang malang serta yang menjadi mangsa pelbagai jenis konflik di Afrika.

"Jangan pernah menyerah pada impianmu, jangan pernah sepenuhnya mengubur panggilan, dan jangan pernah menerima kekalahan!" — *media Vatikan*

SANTAPAN IMAN

Toxic people lawan penebar positive vibes

Akhir-akhir ini, ada istilah baru yang selalu disebut oleh kaum muda: *toxic people*.

Melalui apa yang saya tahu dan dengar, *toxic people* adalah orang yang beracun, memberi kesan buruk terhadap orang lain.

Ternyata pada ketika ini, tidak hanya di kalangan kaum muda, malah di peringkat kanak-kanak, remaja mahupun dewasa, kita dicabar untuk melawan budaya menebar *toxic* yang harus bermula dari diri sendiri.

Beberapa minggu lalu, saya membantu dalam sebuah retret untuk kaum muda yang membantu mereka agar dapat bebas dari *toxic*. Salah satu caranya ialah melalui sesi Doa Perdamaian.

Dalam Doa Perdamaian itu, ada momen di mana para peserta diajak untuk menyatakan kesedihan, rasa sakit, penyesalan dan kerinduan yang selama ini tersimpan dalam hati.

Setelah itu, diakhiri dengan menulis surat kepada ibu bapa. Ada beberapa reaksi dari peserta tersebut ketika menulis dengan serius, air mata mereka mengalir dalam mengungkapkan isi hati mereka.

Namun ada juga yang ragu-ragu untuk menulis, kerana berasa suratnya akan menjadi bahan tertawaan ibu bapa atau ibu bapanya mungkin tidak akan peduli.

Sebagai salah seorang penyampai sesi, saya memberi motivasi agar mereka tetap menulis dan berharap, agar apa pun yang terjadi, biarkan Tuhan yang bekerja.

Saya teringat beberapa tahun lalu, ke-



tika saya berada dalam ruang pengakuan dosa. Saya ungkapkan seluruh kepedihan, kecenderungan diri yang melemahkan diri saya juga dosa-dosa saya.

Bapa Pengakuan kemudian memberi nasihat agar saya menulis surat kepada mereka yang "mengganggu" hidup saya.

Saya bertanya, mengapa disebut "mengganggu hidup" saya?

Jawabannya sederhana. "Kerana tenaga yang saya terima daripada orang-orang itu, secara langsung atau percakapan tidak baik 'orang-orang itu' disampaikan kepada saya daripada orang lain – telah merasuk ke dalam diri saya dan menjadi energi negatif

yang terpendam dalam diri saya.

Saya tersedar, ternyata surat yang saya tulis ketika itu adalah mirip yang diungkapkan oleh para peserta selepas Doa Perdamaian.

Saya bersyukur meskipun surat yang saya tulis itu menjadi bahan ketawa, tetapi saya teringat nasihat Bapa Pengakuan, apa pun reaksi ibu bapa yang membaca surat saya itu, biarkan Tuhan yang meneranginya dengan cara-Nya.

Saya diajak untuk membangun diri agar berandal pada kekuatan Tuhan, hidup semakin hening sehingga tidak ada ruang lagi yang dapat memasuki energi negatif yang pasti selalu ada di sekitar kita.

Akhirnya, saya memahami, tenaga negatif itu seperti racun (*toxic*), berupa kata-kata kasar, sindiran yang merendahkan seseorang, kerana didorong oleh rasa marah, ingin membalas dendam, benci dan berasa diperlakukan tidak adil.

Tanpa disedari, kita juga dapat menjadi *toxic people* kerana menyimpan rasa sakit hati, benci dan ingin membalas dendam.

Mujurlah kita terus menerus diperbaharui dan diselamatkan.

Melalui Sakramen Ekaristi dan Sakramen Tobat, kita memiliki sumber kekuatan untuk melawan budaya *toxic* yang melemahkan jiwa kita mahupun sesama.

Orang-orang yang memancarkan *positive vibes*, memancarkan kasih Tuhan yang menjadi daya ilahi, yang menyelamatkan ramai jiwa. — *Sr Agnesia AK, Aleteia*

PENULIS BERKICAU

KOMSOS Paroki bukan tukang foto!

Susulan tulisan *Greg Erlandson* tentang Sabaran media Katolik di sesebuah keuskupan, saya juga ingin menulis sesuatu tentang pelayanan Komunikasi Sosial yang sering dipanggil KOMSOS.

Masih ramai umat yang menganggap KOMSOS hanya melibatkan dokumentasi dan tukang mengambil gambar.

Ini mungkin bertambah 'malang' jika penasihat rohani dan pengerusi KOMSOS di sesebuah paroki, agak tertidur atau hanya timbul pada hari-hari keramaian besar dalam paroki atau keuskupan sahaja.

Benarkah KOMSOS itu tugasnya membuat dokumentasi dan membuat liputan dalam paroki sahaja.

Kalau tugas KOMSOS hanya mendokumentasikan atau hanya menjadi tukang foto, mengapa Takhta Suci Vatikan sehingga mengeluarkan dokumen *Inter Mirifica*?

Memetik Dokumen Konsili Vatikan II *Inter Mirifica* (Di antara penemuan-penemuan teknologi yang mengagumkan) iaitu dokumen tentang usaha-usaha Komunikasi Sosial, Artikel 1 menyebut tentang penemuan-penemuan teknologi yang mengagumkan, yang pada hakikatnya, mampu dicapai dan digerakkan.

Artikel 2 juga dapat dilihat sebagai jawaban kepada artikel 1 sekaligus menjadi alasan mengapa Konsili membahas tentang komunikasi sosial (KOMSOS).

Bonda Gereja menyedari bahawa usaha-usaha itu (artikel 1) kalau digunakan dengan tepat, dapat berjasa besar bagi umat manusia, sebab sangat membantu menyegarkan hati dan mengembangkan budi, dan untuk menyebarkan serta memantapkan kerajaan Tuhan.

Gereja menyedari bahawa manusia dapat menyalahguna media. Adapun kesalahan ini adalah melawan maksud sang Pencipta Ilahi.

Maka Konsili menyokong sepenuhnya perhatian dan kewaspadaan para Sri Paus dan Uskup dalam perkara terpenting itu, dan memandang sebagai kewajibannya membahas masalah-masalah utama berkenaan dengan usaha serta upaya komunikasi sosial.

Perhatikan pula Artikel 3 yang adalah bentuk konkrit tindakan lanjut untuk memanfaatkan media sosial dalamewartakan Injil seperti berikut:

Kerana itulah gereja memandang sebagai kewajibannya, memanfaatkan media komunikasi sosial menyebarkan Warta Keselamatan dan mengajarkan bagaimana manusia dapat memaknai media itu dengan tepat.

Penggunaan media sosial sebagai sarana pewartaan dengan tujuan umat manusia semakin mengejar keselamatan.

Sebenarnya, melalui KOMSOS, semua umat harus terlibat dalam pewartaan. KOMSOS adalah sebagai 'tangan' tambahan para paderi paroki, membantu karya-karya Tuhan disebarkan, diterbitkan dan difahami.

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Ajakanutamakan KELUARGA, alam sekitar sempena UTK-30 di Kuala Penyu

KUALA PENYU: “Tumpukan perhatian kepada keluarga kerana semuanya bermula dengan keluarga. Masyarakat bermula dengan keluarga. Baik dan buruk juga bermula dengan keluarga. Fikirkan cara mengendali cabaran dalam keluarga tetapi jangan sesekali melepaskan Tuhan kerana hanya dengan Tuhan, kita tidak kehilangan kemanusiaan,” kata Uskup Cornelius Piong dalam homilinya sempena sambutan Ulang Tahun Keuskupan Keningau Ke-30, peringkat paroki St Peter, Bundu.

UTK-30 di Kuala Penyu pada tahun ini diadakan di sebuah Gereja stasi luar iaitu St Stephen, Kiaru.

Uskup Cornelius yang memimpin perayaan Ekaristi, mengungkapkan kesyukuran kepada Tuhan yang sentiasa menyertai,

melindungi dan terus setia berjalan bersama dengan para klerus, religius dan umat selama 30 tahun ini di Keuskupan Keningau.

Prelatus itu juga menjelaskan tujuan perayaan UTK dirayakan setiap tahun adalah supaya umat disemangati berjalan bersama Yesus Kristus dan hidup dalam kesatuan Bapa dan Roh Kudus.

Selain itu, Bapa Uskup juga menyatakan bahawa dengan berkumpul dalam perayaan seperti ini, kita bersama membangun ge-reja melalui institusi, memelihara bumi sebagai rumah alam ciptaan Tuhan dan perlu mengambil peranan membangun masyarakat yang harmoni (tema pastoral) ciptaan Tuhan (Masyarakat Madani).

Pada akhir Misa Kudus, Pengerusi Pengunjung UTK-30 Peringkat Paroki, Sdra Jo-



seph TiamKi Panak mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir kerana memberi sokongan dan doa untuk menyambut perayaan ini.

Paderi paroki, Fr Clement Abel, dalam ucapannya mengajak umat paroki Kuala Penyu agar menjadi cahaya dan terang bagi semua orang.

Tersentuh dengan homili Uskup Cornelius,

Fr Clement mengajak umat untuk menghidupi semangat mengereja bermula dengan keluarga. Ini kerana, jika Tuhan diutamakan diper-muliakan, sudah pasti dasar iman ini akan menjadi akar kuat kehidupan rohani keluarga.

Perayaan diteruskan di dewan gereja dengan pelbagai aktiviti kebudayaan dan rohani bagi mengeratkan kesatuan umat. — **Stella Eming**

Bangkit dengan Kristus dalam pelayanan



PULAU PINANG: Uskup Melaka Johor, Bernard Paul mengatakan kepada lebih 200 pelayan gereja Katedral Holy Spirit bahawa kebangkitan semangat dan iman di kalangan mereka akan membangkitkan pelayanan atau sesebuah kerasan.

Prelatus itu mengingatkan para peserta tentang komuniti Kristian pertama di mana sebelum menemui Tuhan yang sudah Bangkit, mereka hidup dalam ketakutan dan keraguan.

Namun, setelah mengalami pertemuan dengan Yesus, mereka mengalami kegembiraan, kedamaian, dan iman. Mereka menerima pengampunan dan diajar untuk memaafkan.

Bapa Uskup Bernard juga mengesakan semua umat untuk menjadi seperti Thomas yang bangkit selepas bertemu dengan Yesus yang telah Bangkit, serta menjadi para rasul yang bangkit dan membangkitkan iman komuniti-komuniti.

Memetik petikan Efesus 2:13-22, Uskup Bernard menjelaskan bahawa murid-murid Yesus menggunakan imej untuk menyampaikan ajaran mereka kepada umat. Walaupun imej tidak sempurna atau lengkap, ia sangat penting kerana imej itu boleh mengungkapkan seribu perkataan.

Imej menyampaikan visi dan

misi pelayanan. Imej sesebuah pelayanan harus disertai dengan firman Tuhan untuk membimbing dan memberi motivasi kepada ahlinya, agar mereka terus fokus.

Tegasnya, setiap pelayanan atau komiti dalam gereja perlu menekankan misi seperti berikut: Untuk bertindak balas terhadap keperluan baru, untuk membina tubuh Kristus, Untuk mendengar, meneliti, berjalan dan bekerjasama.

Prelatus itu memberi amaran mengenai pelayanan yang bergantung kepada kekuatan sendiri, tidak akan kekal. Tanpa berandal pada Kristus, sesebuah pelayanan itu umpama anak sungai yang mengalir dengan sendirinya dan akan kering tanpa sumber air utama.

Semasa sesi terakhir, Uskup Bernard merujuk kepada Kis 2:42-47 untuk membincangkan ‘batu-batu’ yang diperlukan untuk ‘membina’ pelayanan. “batu-batu” itu termasuklah ajaran para Rasul.

Bagi mengakhiri sesi tersebut, Uskup Bernard telah memberkati dan mengutus 200 orang pelayan gereja dengan membahagikan mereka kepada kumpulan kecil.

Setiap kumpulan yang mengandungi sembilan orang ahli, mengadakan upacara pencucian kaki sebagai tanda menerima Kepimpinan Berhati Hamba.

Pertemuan Komisi Liturgi Episkopal Serantau kali ke-25

KUCHING: Perjalanan sinodal konferensi, persiapan Konvensi Pastoral Malaysia 2026 serta semakan buku lagu “Pozoo Noh Kinoingan” adalah antara agenda utama Komisi Liturgi Episkopal Serantau (ERLC) pada Mei 22-24 lalu di Seminari Kolej St Peter, Kucing.

ERLC bermesyuarat setiap tahun untuk membincangkan perkara-perkara liturgi, untuk menyelaras, membina jaringan dan berkongsi sumber.

Uskup Sebastian Francis, Presiden ERLC, mengalu-alukan kehadiran semua perwakilan.

Mesyuarat kali ke-25 ini membincangkan maklumat terkini tentang teks Misa dalam Bahasa Malaysia (BM). Uskup Sebastian merangkan bahawa Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura dan Brunei (CBCMSB) mengakui Alkitab Versi Borneo (AVB) sebagai teks rasmi BM untuk rantau ini.

Prelatus itu memaklumkan bahawa sebuah jawatankuasa telah dibentuk di bawah pemerhatian

Uskup Agung Simon Poh dari Kuching, yang menyediakan dan menghantar teks Misa Hari Minggu berdasarkan terjemahan AVB untuk digunakan oleh gereja.

Versi AVB untuk kegunaan Misa, buat sementara ini, dianggap teks liturgi BM yang sah digunakan dan masih terbuka untuk penambahbaikan dan penelitian.

Selepas kitaran lengkap tiga tahun, ERLC akan mempertimbangkan untuk mencetak teks Misa yang rasmi untuk Konferensi para Uskup.

Komiti Liturgi Muzik ERLC-LMC melaporkan bahawa buku nyanyian baru *Sing Your Praise To God* (SYPG) untuk pemuzik dan koir telah disusun dan sedang dalam proses mencetak. Memandangkan projek SYPG baru telah selesai, ERLC-LMC bercadang untuk memulakan fasa seterusnya iaitu pembangunan muzik liturgi, mengumpul dan menyusun semua lagu yang digubah secara tempatan.

Dilaporkan juga ketiga-tiga diosis Sabah akan bekerjasama untuk me-

nyemak semula buku lagu “Pozoo No Kinoingan” (gabungan BM dan lagu Kadazan-Dusun).

Keuskupan lain juga akan menghantar kompilasi lagu-lagu Bahasa kepada kumpulan ini untuk semakan.

ERLC menasihatkan semua keuskupan agar tidak mencetak sebarang buku liturgi BM buat masa ini sehingga semua teks liturgi AVB dimuktamadkan dan diluluskan oleh CBCMSB.

Penetapan liturgi untuk Dis 24

Mesyuarat ini memutuskan liturgi untuk Disember 24, 2023 yang jatuh pada hari Ahad bahawa pada siang hari, umat akan merayakan Hari Minggu Adven keempat Tahun B, manakala liturgi pada sebelah petang akan merayakan Misa Malam Krismas.

Pada akhir pertemuan ke-25 ERLC, diumumkan bahawa Keuskupan Miri akan menjadi tuan rumah bagi mesyuarat ERLC kali ke-26 pada Jun 3-6, 2024.

